

10 JUL 2002  
P/Raya-Samy  
UNDI KETURUNAN INDIA UNTUK CALON BN

ALOR SETAR, 10 Julai (Bernama) -- Masyarakat India di kedua-dua kawasan pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit sudahpun menentukan undi mereka untuk calon Barisan Nasional (BN) pada 18 Julai ini, kata Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu.

Beliau berkata walaupun bilangan pengundi dari keturunan itu amat kecil, namun undi mereka boleh menjadi "undi penentu" kepada kemenangan BN di kedua-dua kawasan berkenaan.

Katanya, setakat ini terdapat 487 pengundi India daripada 53,128 pengundi di kawasan Parlimen Pendang dan 290 orang daripada 19,399 pengundi di DUN Anak Bukit.

Ketika bercakap kepada Bernama selepas meninjau Bilik Gerakan MIC Anak Bukit di sini, beliau berkata parti itu telahpun mengenalpasti pengundi di kedua-dua kawasan itu yang kini berada di luar kawasan dan sedang berusaha menghubungi mereka supaya pulang mengundi.

"Beberapa orang ketua cawangan ditugaskan untuk memastikan mereka pulang pada hari pengundian itu agar jumlah undi tidak berkurangan," katanya.

Beliau berpuas hati dengan persiapan jentera pilihan raya MIC di kedua-dua kawasan itu dan beberapa siri kempen, ceramah serta program pembangunan akan diadakan sebelum hari pengundian.

Samy Vellu berkata beliau gembira melihat peningkatan kesedaran masyarakat India tentang politik dan pentingnya sokongan mereka kepada BN pada pilihan raya kecil kali ini.

Beliau berkata masyarakat India di negara ini amat menghormati kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta bersedia pada bila-bila masa untuk memberikan sokongan kepada mereka dan BN.

-- BERNAMA

ZU ROS